

Cabaran dan Kekangan dalam Pengajian Tahfiz Separuh Masa (The Challenges and Limitations in Part-Time Tahfiz Education)

Zainora binti Daud

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
zainora@usim.edu.my

Muhammad Arif bin Musa

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
arif@usim.edu.my

Abstrak

Dewasa ini, pengajian tahfiz semakin berkembang dengan pelbagai bentuk pengajian sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa melalui pelbagai bentuk kombinasi multidisiplin ilmu supaya dapat memenuhi aspirasi umat Islam. Walaupun pengajian tahfiz separuh masa semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat, namun terdapat pelbagai cabaran bagi mengekalkan kualiti hafazan dan minat yang tinggi. Justeru itu, objektif penyelidikan ini untuk mengenalpasti pengajian tahfiz separuh masa dan menganalisis cabaran dan kekangan dalam pengajian tahfiz separuh semasa. Penyelidikan ini berbentuk kualitatif melalui analisis tematik dengan menggunakan instrumen temubual. Responden kajian terdiri daripada tenaga pengajar dan pelajar yang berumur antara 9 hingga 64 tahun. Justifikasi pemilihan kerana mereka terlibat dengan pengajian tahfiz separuh masa. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat cabaran dan kekangan dalam pengajian tahfiz separuh masa iaitu aspek kerjaya, keluarga, waktu pengajian, kuantiti serta kualiti hafazan pelajar, disiplin pelajar dan keadaan persekitaran. Kesimpulannya, pengajian tahfiz separuh masa perlu dipertingkatkan sistem pelaksanaannya mengikut perkembangan semasa dan tuntutan masyarakat dengan menitikberatkan kaedah pembelajaran interaktif dan efektif, guru-guru yang berkeelayakan dan berpengalaman bagi meningkatkan kecintaan masyarakat sebagai hamalah al-Quran. Secara tidak langsung melahirkan masyarakat yang Rabbani dan mewujudkan suasana Baldatun Tayyibah dalam kehidupan umat Islam.

Kata kunci: Pengajian Tahfiz, Separuh Masa, Cabaran, Kualiti.

Abstract

In current times, tahfiz education is growing employing several methods of study; full-time and part-time which are delivered through various multidisciplinary combination of knowledge to fulfil the aspirations of Muslims. Although part-time tahfiz educations are gaining ground among the community, there are various challenges towards maintaining the quality of memorization and the students' interest. Therefore, the objective of this research is to identify and analyze the challenges and limitations in part-time tahfiz education. This research is a qualitative study through thematic analysis using interview. The respondents of the study consisted of teachers and students aged between 9 to 64 years old. Justification of selection is due to their involvement in part-time tahfiz education. The results of the study show that there are challenges and limitations in part-time tahfiz education in the form of career obligation, family, study time, quantity and quality of student's memorization, students' discipline, and surrounding conditions. In conclusion, part-time tahfiz education needs to be improved in its implementation according to current developments and community demands by emphasizing interactive and effective learning methods as well as providing qualified and experienced teachers to increase the love of community in becoming the Quran bearer which leads toward a Rabbani community and create an atmosphere of Baldatun Tayyibah in the lives of Muslims.

Keywords: Education Tahfiz, Part-time, Challenges, Quality.

Article Progress

Received: 27 January 2021

Revised: 10 February 2021

Accepted: 24 February 2021

1. PENGENALAN

Hafazan merupakan metodologi yang telah digunakan oleh para ulama dalam memelihara ilmu termasuk al-Quran. Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan pendidikan terawal dan teras di dalam sejarah pendidikan Islam. Rasulullah SAW telah menyampaikan dan mengajarkan al-Quran kepada para sahabat secara hafazan sebagai kaedah yang utama. (Al-Habash, 1987).

Ma'had Tahfiz adalah sebuah pusat pengajian yang menumpukan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pengkhususan al-Quran dan semakin berkembang dengan diintegrasikan pelbagai bidang keilmuan termasuk bidang akademik, diniah, pendidikan vokasional dan sebagainya untuk memenuhi keperluan dan tuntutan masyarakat.

Setiap tahfiz menawarkan sistem dan pendekatan yang pelbagai dan tersendiri. Kemajuan dan kepelbagaian ini tentunya mempunyai kelebihan dan kekurangan dan memberi impak besar kepada generasi masa depan serta didalam sistem pendidikan keseluruhan negara.

Kini, Pengajian tahfiz dalam bentuk separuh masa ditawarkan kepada pelbagai latarbelakang dan lapisan masyarakat seperti pesara, penjawat, kakitangan swasta, suri rumah serta pelajar sekolah. Mereka telah mengikuti kelas tahfiz pada masa-masa tertentu untuk menghafal Al-Quran. Kajian ini adalah untuk mengetahui cabaran dan kekangan dalam pelaksanaan tahfiz separuh masa dan misi dan visi.

2. PENDIDIKAN DAN PERKEMBANGAN TAHFIZ

Secara umumnya, pendidikan al-Quran bermula dengan pembelajaran paling asas tentang al-Quran iaitu mengenai kaedah pembacaan bermula dari mengenal kesemua huruf hijaiyah, mengenal, membaca dan juga mempelajari hukum-hukum tajwid serta proses pengkhataman al-Quran. Menurut Nordin Ahmad (2018) Pendidikan tahfiz al-Quran adalah ajaran Islam yang terawal sepertimana Rasulullah SAW adalah *sayyidul huffazz* telah menyampaikan al-Quran secara talaqqi dan musyafahah kepada para sahabat. Pengajian tahfiz ini semakin berkembang seiring dengan penyebaran Islam di seluruh pelusuk dunia termasuk di Malaysia. Keadaan ini telah menyedarkan masyarakat betapa pentingnya pendidikan al-Quran dan keistimewaan yang diperolehi jika menjadi hafiz al-Quran. Hal ini menyebabkan pertumbuhan institusi-institusi tahfiz swasta khususnya bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan sehingga melahirkan ramai huffazz.

Sejarah pembelajaran al-Quran secara hafazan bermula sejak diturunkan ayat pertama iaitu empat ayat terawal dalam Surah al-'Alaq kepada Nabi Muhammad SAW. Sebagaimana dimaklumkan daripada berbagai nas bahawa beliau adalah seorang nabi yang ummi, iaitu tidak tahu menulis dan membaca. Sehubungan itu, Baginda SAW menerima al-Quran daripada Malaikat Jibril dan seterusnya menyampaikannya kepada para sahabat menerusi kaedah hafazan. Hikmah penurunan al-Quran secara berperingkat-peringkat selama dua puluh tiga tahun telah membantu dan memudahkan Rasulullah SAW untuk menyampaikannya kepada para sahabat, yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya (Abu Najihat al-Hafiz, 2001:20-22).

Sejarah perkembangan dan pendidikan tahfiz di Malaysia bermula pada zaman Tanah Melayu sehingga kini. Ia bermula dengan adanya perkembangan pendidikan al-Quran yang menyinari pendidikan di Tanah Melayu. Pendidikan tahfiz di Malaysia pada umumnya bersusur galur dari cabang sistem pendidikan Islam dan juga merupakan warisan turun temurun yang diperkenal dan dipraktik sehingga kini, ia menandakan wujud kesedaran dalam kalangan ibu bapa akan kepentingan pengajian al-Quran itu didamping bagi memelihara diri dan jiwa anak-anak dari anasir yang tidak sihat (Solahuddin Ismail, 2018).

Selain pengajian al-Quran, kemahiran membaca dan menulis jawi serta ilmu asas Islam seperti fardhu ain, rukun Islam dan rukun iman turut diberi perhatian. Dari masa ke semasa, pusat pengajian semakin bertambah dengan menjadikan masjid, surau dan istana sebagai tempat pengajian, sehinggalah tertubuhnya institusi pondok yang dibina di atas tanah milik tuan guru atau tanah wakaf. Pengajian pondok adalah lebih mendalam dengan memberi penekanan kepada ilmu Tafsir, Fekah dan Hadis yang disampaikan dalam bentuk syarahan kepada kumpulan pelajar mahupun individu

sehingga menjadi asas kepada penubuhan Sekolah Agama Rakyat di seluruh Malaysia (Masitah Ramli & Aizan Mat Zin, 2015).

Proses menghafaz juga dijalankan sekurang-kurangnya Surah Al-Fatihah kerana ianya asas dalam mengerjakan solat. Namun, hafazan bukanlah pendidikan teras dan hanya dijalankan secara individu dan tidak formal dengan bersandarkan pengalaman guru al-Quran semata-mata (Muriyah Abdullah et al., 2015).

Menghafaz al-Quran adalah metode yang telah digunakan para ulama sekian lama dalam memelihara ilmu termasuk al-Quran. Hafazan al-Quran bermaksud satu proses yang dilakukan oleh seseorang mengingat ayat-ayat suci al-Quran di dalam hati tanpa mudah lupa (Mohamad Marzuqi Abdul Rahim) Hafazan al-Quran merupakan salah satu metod perawatan terbaik bagi mengubati roh dan jasad manusia. Keupayaan ayat-ayat menyelesaikan masalah dalaman manusia secara praktikal menjadikan kegiatan hafazan berkembang dengan pesat masa kini (Solahuddin Ismail, 2018).

Dorongan ini menjadikan masyarakat Islam moden yang mempunyai nilai kesedaran agama yang tinggi dalam menggali ilmu dalam bidang al-Quran. Amalan menghafaz al-Quran ini menjadi amalan tradisi masyarakat Islam. Ia adalah amalan yang sangat digalakkan dalam Islam dan ganjaran bagi penghafaz amat besar sekali di sisi Allah SWT. Perkembangan menghafaz al-Quran amat menarik dikaji apabila subjek hafazan ini dimasukkan dalam silibus akademik dan dilaksanakan dalam aliran sains dan akademik yang lain. Cabaran yang besar kepada penghafaz al-Quran ialah menjaga kualiti hafazan dengan maksud terus terpelihara dalam ingatan walau apa jua bidang yang diceburi selepas tamat menghafaz al-Quran (Khairul Anuar Mohamad, 2018).

Pendidikan tahfiz di Malaysia telah melalui sejarah perkembangan yang panjang bermula secara rasmi pada tahun 1966. Pendidikan tahfiz berkembang seiring dengan pendidikan lain dan semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Hal ini, perkembangan institusi tahfiz semakin mendapat tempat dalam pendidikan di Malaysia, ia disebabkan penawaran kelas-kelas tahfiz dengan membina pusat-pusat tahfiz di seluruh pelusuk negara samada di bandar mahupun luar bandar. Perkembangan institusi tahfiz di Malaysia ini pastinya berkait rapat dengan permintaan dan budaya masyarakat terhadap pendidikan tahfiz (Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman).

Senario yang berlaku pada hari ini menampakkan bahawa, kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kebaikan menghafaz al-Quran mendorong ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama yang menyediakan pengajian tahfiz al-Quran di samping mata pelajaran agama dan akademik. Di samping sekolah-sekolah agama yang sedia ada, lebih banyak pusat-pusat pengajian dan institut al-Quran didirikan bagi memenuhi permintaan terhadap pengajian tahfiz Al-Quran. Para dermawan dan orang berada tampil ke hadapan untuk menjadi penaja pelajar hafiz dan kelas-kelas tahfiz al-Quran yang ditubuhkan (Ustaz Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah, Hussin Bin Salamon, 2015).

3. PENGAJIAN TAHFIZ SEPARUH MASA

Umumnya, pertubuhan pengajian tahfiz kini telah berkembang pesat ke seluruh Malaysia sama ada dalam bandar ataupun luar bandar. Ianya seiring dengan pembangunan dan pendidikan era globalisasi masa kini. Masyarakat kini telah terdedah dengan kepelbagaian dan kelebihan serta keistimewaan yang akan diperoleh melalui pengajian tahfiz ini. Tambahan pula, pengajian al-Quran bermatlamat untuk membina masyarakat yang bertakwa, masyarakat yang adil berasaskan kasih sayang, belas kasihan, persaudaraan dan masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sombong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan al-Quran (Ahmad Mohd. Salleh, 1997:15).

Fokus dan tujuan terpenting didalam pengajian al-Quran ialah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah. SWT. Dalam masyarakat yang dilanda arus globalisasi, pembelajaran al-Quran secara hafazan mampu menjadi pemangkin ke arah membentuk minda fotografi yang bakal melahirkan generasi yang hafiz, alim, dai'e dan profesional sekaligus memenuhi matlamat pendidikan al-Quran. Hafazan adalah proses yang digunakan untuk menyimpan

pengetahuan (Ab. Fatah Hasan:15). Menghafaz memerlukan suatu kekuatan fikiran pada orang yang melakukannya. Sementara menghafaz sesuatu yang dipelajari dan mengasah ingatan melalui hafazan adalah cara yang paling baik untuk mengekalkan ingatan dan kecerdasan otak. Kini, pengajian tahfiz ini telah dikategorikan kepada dua pengajian iaitu Pengajian Tahfiz Sepenuh Masa dan Pengajian Tahfiz Separuh Masa.

Pengajian Tahfiz Separuh Masa bermaksud sistem pengajian yang ditawarkan secara separuh masa bukan secara sepenuh masa dengan bentuk pengajian yang lebih terbuka dan umum, tanpa ada had limit tempoh untuk menghabiskan sukatan hafazan ayat-ayat al-Quran.

Seterusnya, pendidikan atau sistem pembelajaran tahfiz al-Quran terbahagi kepada dua iaitu kaedah moden dan kaedah tradisional. Kaedah moden bermaksud pendidikan yang mempunyai struktur yang tersusun, meliputi sudut pengurusan, kurikulum dan kemudahan strukturnya. Pendidikan kaedah moden ini dianjurkan oleh pihak kerajaan pusat atau kerajaan negeri. Manakala Pendidikan Tahfiz mengikut kaedah tradisional pula bermaksud pendidikan yang tidak tersusun dengan baik dari sudut pentadbiran, kurikulum dan kemudahan infrastukturnya seperti sistem pendidikan Pondok. Lazimnya pendidikan secara tradisional ini dikelolakan oleh orang perseorangan atau swasta (Wan Mohamad, 1997).

Begitu juga di dalam sistem pembelajaran bagi setiap institusi atau Pengajian Tahfiz Separuh Masa juga adalah berbeza. Sebagai contoh, pelaksanaan pengajian tahfiz separuh masa di Akademi Darul Ilmi telah ditubuhkan di Melaka sejak 2017 hingga kini. Pelaksanaan atau sistem pembelajaran mereka akan berjalan selama 2 jam. Sejam pertama pelajar akan membaca tilawah al-Quran dan sejam kedua pelajar akan membuat hafazan dan guru akan membuat semakan hafazan. Metodologi yang digunakan dalam hafazan iaitu kaedah tkrar yang mana pelajar akan mengulang baca bacaan al-Quran sehingga 40 kali ulangan mengikut pecahan ayat berdasarkan mukasurat yang digariskan kaedah ini. Kaedah ini sangat berkesan kerana ianya tidak memaksa pelajar untuk menghafal, tapi hanya membaca sehingga hafalan tersebut terlekat dengan sendirinya dalam kotak ingatan pelajar. Sesuai dengan temanya "Hafal tanpa menghafal", kaedah ini mementingkan ulangan bacaan sehingga boleh menghafal tanpa memaksa minda pelajar untuk menghafal ayat-ayat al Quran tersebut.

Menurut Al-Syarbini, Ibrahim Abdul Guni'm (2004) kaedah Tkrar terbahagi kepada tiga jenis teknik *tkrar* yang iaitu Teknik Rangkaian (*Tasalsuli*), Teknik Menghimpun (*Jama'iy*) dan Teknik Membahagi (*Taqsim*). Teknik Rangkaian atau disebut sebagai Tasalsuli bermaksud menghafaz ayat pertama sehingga ingat, kemudian menghafaz ayat kedua sehingga ingat. Seterusnya membaca ayat pertama dan kedua tanpa melihat mashaf. Kemudian berpindah ke ayat ketiga dan menghafaznya sehingga ingat. Seterusnya akan membaca ayat pertama hingga ketiga tanpa melihat mashaf. Demikianlah seterusnya sehingga tamat maqra' atau muka surat atau sukatan hafazan.

Jenis yang kedua iaitu teknik menghimpun atau jama'iy bererti menghafaz ayat pertama sehingga ingat. Kemudian menghafaz ayat kedua sehingga ingat. Seterusnya menghafaz ayat ketiga sehingga ingat tanpa mengulang ayat pertama dan kedua. Kemudian menghafaz ayat keempat sehingga ingat dan tidak mengulang ayat sebelumnya. Meneruskan hafazan sehingga pada ayat terakhir maqra' atau muka surat atau sukatan hafazan.

Manakala yang ketiga ialah teknik membahagi atau dipanggil *Taqsim* bermakna membahagikan maqra' ataupun muka surat kepada beberapa bahagian. Kemudian menghafaz ayat pertama sehingga ingat. Seterusnya menghafaz ayat kedua sehingga ingat. Kemudian membaca ayat pertama dan kedua tanpa melihat mashaf. Selanjutnya, berpindah ke ayat ketiga dan menghafaznya sehingga ingat. Beginilah seterusnya

Justeru, setiap pengajian ataupun institusi pasti memiliki cabaran dan kekangan yang tersendiri. Antara cabaran yang dihadapi oleh pengajian tahfiz separuh masa ialah cabaran modenisasi. Seiring dengan pembangunan Malaysia yang berkembang maju telah membawa banyak perubahan dalam kehidupan rakyatnya. Ia turut memberi impak kepada perkembangan institusi tahfiz. Mutakhir telah memperlihatkan institusi tahfiz terbahagi kepada tiga bentuk. Pertama, institusi tahfiz yang masih mengekalkan elemen tradisional yang hanya mempelajari ilmu al-Quran dan fardu ain sahaja. Kedua, institusi tahfiz yang menggabungkan ilmu al-Quran, ilmu qiraat dan ilmu agama. Dan ketiga institusi tahfiz yang menggabungkan ilmu al-Quran, ilmu qiraat dan ilmu sains (Noor

Hisham, 2014). Keadaan ini wujud akibat dari proses modenisasi yang telah membentuk disiplin ilmu yang semakin kecil tetapi banyak. Ini menjadikan usaha untuk membentuk kurikulum dan pengagihan masa belajar menjadi semakin sulit. Begitu juga dengan penguasaan pelajar ke atas didiplin ilmu yang pelbagai tersebut menjadi semakin sukar kerana metod pengajian ilmu tersebut adalah berbeza.

Selain itu, teknologi juga merupakan cabaran di dalam pengajian tahfiz . Ini kerana kepesatan teknologi masa kini yang bergerak pantas menjadi cabaran baru dalam aspek pendidikan. Intituti tahfiz sama ada mahu atau tidak terpaksa berdepan dengan kemajuan teknologi agar tidak ketinggalan. Pentadbir dan tenaga pengajar perlu menguasai teknologi agar pengurusan dan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi lebih mudah dan berkesan, seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan kementerian pendidikan dimana penggunaan teknologi perlu seiring dengan sistem pendidikan masa kini.

Malahan aspek sijil juga memainkan peranan yang amat penting bagi setiap pelajar. Oleh yang demikian, pengiktirafan sijil akan memberikan impak yang baik terhadap masa hadapan pelajar institusi pengajian tahfiz. Ia sebagai lambang kejayaan setelah bergelut dengan pelbagai ujian dan kesulitan semasa pengajian. Ia juga sebagai ‘alat’ untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian. Ini adalah tuntutan dan keperluan masyarakat sekarang. Pengiktirafan kerajaan menjadi mekanisme penting dalam menentukan sijil yang dikeluarkan tersebut diterima atau tidak dalam pasaran pekerjaan. Masalah ini boleh dibahagikan kepada dua keadaan. Pertama, sebahagian dari institusi tahfiz swasta di Malaysia telah mengeluarkan sijil tahfiz yang tidak mendapat pengiktirafan dari pihak berwajib (Solahuddin Ismail 2015).

Antara cadangan yang boleh diaplikasikan didalam pengajian tahfiz separuh masa adalah dengan mendaftar kesemua institusi yang terlibat dengan pengajian tersebut. Hal ini kerana, mendepani cabaran modenisasi dan perubahan teknologi yang pesat perlu menggabungkan ilmu dan kemahiran secara seimbang. Teori dan praktik harus dijalinkan agar tindakan yang dilaksanakan menguntungkan kerajaan dan rakyat. Tujuannya adalah untuk memudahkan pemantauan ke atas institusi berkenaan dari aspek pentadbiran, kurikulum, kelayakkan tenaga pengajar, kegiatan pelajar dan kemudahan infrastruktur. Dengan adanya data yang sistematik akan lebih memudahkan lagi pihak berwajib mengurus dan menyelesaikan permasalahan yang berbangkit.

Pengalaman boleh dikongsi secara bersama untuk memajukan lagi pengajian tahfiz negara dan ia akan menjadikan institusi tahfiz lebih dekat dengan kerajaan dan tidak merasa terpinggir oleh arus pembangunan pendidikan negara. Tambahan pula, manfaat yang diperoleh adalah dari segi bantuan dapat disalurkan dengan lebih tersusun mengikut keupayaan kerajaan dan keperluan institusi berkenaan. Maka perlu ada satu badan yang diberi tanggungjawab untuk mengurus proses pendaftaran tersebut dan menyelia secara berkala bagi mengawal kualiti program-program tahfiz yang ditawarkan.

4. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif mengikut kaedah analisis tematik. Analisis tematik merupakan antara kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif, walaupun kurang digunakan di dalam akademia (Boyatzis, 1998; Roulston, 2010). Kaedah pengumpulan data menerusi temubual merupakan data utama di dalam kajian. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan data penting dengan bertanya secara langsung kepada informan.

5. SAMPLE DAN KAEDAH PERSAMPELAN

Jenis pensampelan yang digunakan didalam penyelidikan ini adalah pensampelan bertujuan (*Purposive Sampling*). Pensampelan bertujuan ialah memilih satu unsur secara sengaja daripada

unsur unsur pertama dalam satu rangka persampelan dengan sengaja atau mempunyai kriteria yang telah ditetapkan.

Penyelidikan ini menggunakan persampelan bertujuan untuk memahami dan mendalami berkaitan cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tahfiz separuh masa. Pendekatan pemilihan informan secara bertujuan dilakukan agar pemilihan informan kajian boleh dilakukan melalui kepelbagaian latarbelakang, pengalaman dan bidang tugas untuk memahami objektif dasar kajian dibuat.

Penyelidikan ini telah menggunakan kaedah kualitatif bersesuaian dengan matlamat untuk membuat penerokaan mengenai cabaran dan kekangan tahfiz separuh masa. Proses ini bersesuaian dengan penelitian kajian tahfiz separuh masa ini adalah cara ilmiah untuk mendapatkan data yang valid (sahih) dengan tujuan dapat ditemukan, dibuktikan dan dikembangkan suatu pengetahuan sehingga dapat digunakan untuk memahami, memecahkan dan mengantisipasi masalah yang bersangkutan dari data alami dan mempunyai akurasi yang mendalam (Abdul Manap, 2015).

Artikel ini hanya menumpukan kepada cabaran dan kekangan tahfiz separuh masa terhadap dua puluh satu informan yang terdiri daripada enam tenaga pengajar dan lima belas pelajar. Dalam kategori pelajar, terdapat dua peringkat iaitu dewasa yang merupakan individu yang masih berkerja atau bersara seramai lapan orang pelajar, dan juga kanak-kanak ialah dibawah peringkat sekolah bersamaan dengan tujuh orang pelajar. Penyelidik telah memilih informan yang terlibat dengan pengajian tahfiz separuh masa yang berpusat di Masjid Shah Alam, Masjid Al-Azim Melaka, Sekolah Rendah Islam (SRI) Al-Amin, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan dan Surau Al-Wardah di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang Selangor. Justifikasi pemilihan adalah berdasarkan kepelbagaian latarbelakang, pengalaman dan bidang tugas untuk mencapai objektif dasar kajian penyelidikan dibuat. Oleh itu, informan yang dipilih hendaklah terdiri dari kalangan yang menghafal Al-Quran dalam kategori separuh masa.

6. INSTRUMEN TEMUBUAL

Kaedah temu bual merupakan kaedah yang memerlukan subjek dan penyelidik hadir sama semasa proses memperoleh dan mengumpul maklumat. Justeru itu, maklumat pengkaji diperolehi secara langsung oleh penyelidik daripada subjek atau informan. Tujuan pemilihan kaedah temu bual adalah mendapatkan data yang lebih lengkap dan tepat melalui komunikasi yang mendalam antara pengkaji dengan informan kajian.

Menurut Best dan Kahn (2003) dan Ahmad Sunawari (2009), temu bual merupakan soal selidik atau cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lisan dari seseorang responden melalui cara percakapan secara berhadapan muka dengan seseorang. Melalui kaedah ini, maklumat yang berkaitan dapat diperolehi daripada pihak yang berautoriti dan bertanggungjawab dalam melakukan tugas tersebut.

Reka bentuk temu bual yang digunakan ialah temu bual semi struktur ini dipilih kerana mempunyai fleksibiliti yang membolehkan pengkaji mengubah suai soalan untuk memahami isu dan permasalahan yang dikaji. Fleksibiliti dalam proses temu bual sangat diperlukan kerana proses temu bual melibatkan penceritaan oleh informan mengenai suatu pengalaman atau pengetahuan yang melibatkan informan tersebut. Kadangkala terdapat pernyataan yang tidak dijangka dan dalam bentuk yang tidak dijangka oleh informan kajian. Oleh sebab itu, proses temu bual perlu diubahsuai dan diselaraskan berdasarkan pernyataan atau data yang diperolehi semasa temu bual.

7. PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data bermaksud satu proses pengumpulan data dan segala maklumat yang berkaitan dengan isu dan permasalahan tentang penyelidikan yang dilakukan. Prosedur yang sering kali dilakukan oleh para pengkaji pada peringkat yang pertama adalah dengan memastikan semua informan yang bakal ditemu bual telah membenarkan temu bual ini direkodkan. Rakaman temu bual

telah dijalankan dengan menggunakan alat perakam suara model Olympus WS-853 Digital Voice Recorder. Tujuan rakaman temu bual adalah bertujuan membolehkan rekod yang kekal dan membenarkan pengkaji menumpukan perhatian kepada temu bual tersebut. Kelebihan dalam menggunakan alat perakam ini ialah pengkaji boleh menumpukan sepenuh perhatian semasa temu bual serta memudahkan pengkaji dengan hanya membuat nota-nota penting semasa dan selepas temu bual untuk mendapatkan penjelasan pada sesetengah isi tertentu. Seluruh temu bual telah dirakam dan disalin semula dalam bentuk transkrip dalam bentuk fail Microsoft Word. Kebiasaannya, para pengkaji hanya perlu mengenal pasti maklumat penting dan kandungan utama temu bual. Secara dasarnya, kesemua maklumat temu bual ditranskrip dalam bentuk fail Microsoft Word kecuali percakapan yang tidak memberikan sebarang maksud seperti ha, em, dan sebarang bentuk lafaz yang samar dan tidak jelas. Seterusnya data-data dianalisis dengan analisis tematik.

8. DAPATAN KAJIAN

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa fokus utama di dalam penyelidikan ini adalah menganalisis cabaran dan kekangan dalam pengajian tahfiz separuh masa. Cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar tahfiz separuh masa iaitu:

i. Komitmen

Hasil temubual yang telah dilakukan mendapati bahawa sebahagian pelajar tidak memberikan komitmen kehadiran yang baik. Ini dibuktikan dengan sebahagian pelajar ada yang hadir ke kelas pengajian mengikut waktu ditetapkan dan ada juga sebahagian yang lewat. Ini diperkuatkan lagi bahawa sebahagian pelajar mempunyai tugas lain dan sebagainya. Semua golongan dewasa atau yang lebih berumur bersamaan dengan 38% daripada mereka terikat dengan komitmen keluarga. Sepertimana kata-kata responden di bawah menunjukkan bukti yang dinyatakan :

“...Jujurnya lah lebih pemerhatian pada benda tu lah , sbb kadang dorang ni ada benda , kerja kerja dirumah, ada yang bekerja , mcm mcm lah rintangan jadi kita kena bagi semangat kat dorang datang datang.” (T1/L1,2019)

Bagi kanak-kanak pula bersamaan dengan 33% daripada mereka mempunyai komitmen yang lain seperti tugas kerja sekolah, kelas tambahan, bercuti bersama keluarga dan hal-hal peribadi. Ini dibuktikan dari hasil temubual penyelidik, sebagai contoh :

“...bergantung pada diorang punya hal peribadi..so diorang bagitahu yang diorang tak dapat datang.” (T3/L1,2019)

ii. Kualiti Hafazan

Keberhasilan kualiti hafazan yang baik adalah dengan menyediakan jadual hafazan yang lebih efektif. Hasil temubual menunjukkan sebahagian daripada pusat Tahfiz Separuh Masa menyediakan jadual kepada setiap pelajar. Ini bagi membantu pelajar agar tidak ketinggalan dalam menghafaz ayat-ayat al-Quran serta mencapai sasaran yang diinginkan. Sebagaimana dalam hasil temubual dengan salah seorang responden di bawah:

“...rata rata mereka mengikut kita punya timetable tu, bacaan para saba’, berjalan dengan baik, alhamdulillah saya tengok alhamdulillah lah, baik lancar. Kita buat tebuk surah dia boleh baca semua lah, kalau diikutkan, kalau dia tak ikut agak sukar nak dapat kualiti bacaan hafazan yang terbaik. Ada yang dapat ikut ada yang tak dapat ikut ” (T1/L1 ,2019)

Selain itu, tahap kualiti hafazan kanak-kanak lebih bagus berbanding pelajar dewasa. Perkara ini diukur melalui sistem pengulangan atau *muraja'ah* yang dilakukan oleh tenaga pengajar pusat Tahfiz Separuh Masa tersebut. Penguasaan kanak-kanak dalam mengingat ayat al-Quran sangat baik berbanding dewasa yang memerlukan sistem pengulangan yang kerap. Hal ini disifatkan kerana daya ingatan kanak-kanak bersih dan masih suci berbanding dewasa. Sebagai contoh :

“...kalau kanak kanak kelebihan dia dekat situ. Kalau remaja kita kena buat sistem hafazan , sistem ulangan. Kalau yang ni memang dia ada lupa lupa , kalau biasa budak ni otak dia fresh....” (T6/L4 ,2019)

Bahkan faktor usia kanak-kanak atau usia muda ini juga amat disokong oleh golongan dewasa yang mengikuti pengajian Tahfiz Separuh Masa, bahawa mereka bersetuju tahap kualiti hafazan yang baik dipengaruhi dengan pelbagai faktor antaranya faktor usia, keupayaan dan kemampuan individu masing-masing. Ini disokong dengan dapatan dalam aspek umur responden iaitu sebanyak 29% yang menyertai Tahfiz Separuh Masa adalah mereka yang berusia antara lingkungan 50-an ke 60-an. Majoriti mereka bersetuju bahawa faktor usia sebagai warga emas ini juga mengganggu kualiti hafazan mereka. Ini dibuktikan dengan pernyataan responden dalam temubual bahawa:

“...ada yang samar-samar ingat..macam hafal tu ingat balik la..” (S8/L2, 2019)

“...kalau nak sekarang ni ada yang tak ingat sikit sikit lah, macam baca surah ada tak ingat sikit sikit lah.” (S9/L2, 2019)

iii. Persekitaran

Cabaran dari segi persekitaran yang dihadapi oleh sebahagian pelajar dimana bersamaan dengan 5% adalah faktor kawan. Hal ini kerana ada di kalangan pelajar yang mempunyai kelebihan tersendiri seperti mempunyai hafalan yang kuat. Situasi ini memberikan kesan terhadap pelajar yang mempunyai kekurangan atau lemah didalam hafalan mereka. Berdasarkan ini menunjukkan persekitaran juga mempengaruhi setiap individu atau pelajar tersebut. Sebagai contoh :

“..... kedua..kawan kawan lah bila kita tengok dorang dah habis awal.. kita macam rasa sangat down....”(S1/L1,2019)

Selain itu, terdapat 5% daripada pelajar mempunyai cabaran persekitaran jika menghafal di rumah. Sebagai contoh penyelidikan ini mendapati bukan sahaja kanak-kanak yang terkesan terhadap media telekomunikasi seperti televisyen malah orang dewasa juga turut merasakan bahawa media telekomunikasi menjadi salah satu cabaran persekitaran. Dan seperti biasa, sesuatu perkara yang diambil secara berlebihan pasti akan membawa mudarat kepada orang yang mengambilnya lagi-lagi boleh menyebabkan leka sehingga perkara yang perlu diambil serius terabai begitu sahaja. Sebagai contoh responden :

“...persekitaran ni macam tak sesuai sangat rumah kita tu macam ada TV ke apa semua kan jadi kita kena tutup lah TV tu kan, tak payah bukak TV apa semua kan.” (S10/L2,2019)

iv. Kesihatan

Antara cabaran lain yang dihadapi oleh sebahagian pelajar iaitu sebanyak 5% ialah terutamanya faktor kesihatan yang menyebabkan tangguhannya pengajian dalam tempoh yang lama. Pelajar tahfiz separuh masa ini melibatkan pelbagai lapisan umur, jadi kadangkala mereka mengalami masalah kesihatan ataupun terpaksa memberi komitmen penjagaan terhadap anak, isteri yang sedang sakit. Keratan temubual menunjukkan :

“...ada masalah faktor kesihatan jadi dia minta tanggung lah pengajian tu , ada yang tak dtg . ada yang kena jaga isteri tu lah macam macam cabaran . jadi yang ada sekarang 8 oranglah” (T1/L1,2019)

v. Masa

Cabaran terbesar yang dihadapi oleh semua pelajar tahfiz separuh masa iaitu sebanyak 100% adalah disebabkan faktor masa yang tidak mencukupi untuk menghabiskan semakan semua pelajar dalam satu hari. Masa terlalu singkat dan terpaksa menggunakan kaedah semak bacaan sesama kawan atau sebagainya. Keratan dibawah menyatakan seperti berikut :

“...kalau ikutkan tak sempat sebenarnya, dia agak pack sebenarnya . tapi kebanyakan sempat lah dengar habis semua..” (T1/L1 ,2019)

9. PERBINCANGAN

Artikel ini membincangkan isu cabaran dan kekangan dalam pengajian tahfiz separuh masa hasil daripada analisis temu bual yang merangkumi lima elemen utama iaitu:

- i. Komitmen di dalam pengajian Tahfiz Separuh Masa dalam kalangan dewasa dan kanak-kanak satu cabaran kerana mereka terhimpit dengan tugas yang lebih utama sehingga boleh mengganggu tumpuan mereka dalam pengajian tahfiz. Komitmen bermaksud sikap pendirian atau perbuatan yang memberikan sepenuh tenaga dan perhatian atau menunjukkan sokongan dan azam yang sepenuhnya kepada sesuatu (Dewan Bahasa dan Pustaka, <https://prpm.dbp.gov.my>).
- ii. Kualiti pembelajaran tahfiz dipengaruhi dengan pelbagai faktor antaranya sistem pembelajaran, kurikulum, kaedah pembelajaran dan sebagainya. Ini disokong dengan dapatan kajian (Azmil Hashim, 2014) menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kukuh antara kaedah pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafazan pelajar.
- iii. Malahan persekitaran pembelajaran juga memainkan peranan yang penting dan menyumbang salah satu cabaran dalam pengajian tahfiz separuh masa kerana kebanyakan pengajian tahfiz yang berbentuk separuh masa banyak diadakan di masjid dan surau secara tidak formal. Shaari A.S etal (2012) menyatakan suasana pembelajaran yang menarik, kondusif dan menyeronokkan merupakan faktor yang penting dan sangat diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Cabaran kesihatan, terdapat segolongan dewasa yang tidak dapat hadir ke pengajian Tahfiz Separuh Masa disebabkan oleh peningkatan usia yang mempunyai pelbagai penyakit. Ini telah mengganggu prestasi pembelajaran mereka dan mengakibatkan mereka lambat untuk menghabiskan hafazan tersebut. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO,1948), mendefinisikan kesihatan sebagai suatu keadaan fizikal, minda dan sosial yang sihat, sergas, cerdas serta bebas daripada sebarang penyakit berlandaskan keadaan sosoal dan masyarakat (Khadijah Shamsuddin, <https://www.academia.edu>).
- v. Kesihatan yang baik akan menghasilkan tindak tanduk yang baik dan terurus didalam pelaksanaan sesebuah pembelajaran mahupun tugas bagi setiap individu. Akan tetapi, jika kesihatan yang tidak dijaga akan menyebabkan urusan yang sedang lakukan terganggu dan boleh mengakibatkan prestasi pelajar tersebut lemah dan tidak terurus.
- vi. Cabaran masa juga menyebabkan pelajar-pelajar lambat untuk menghabiskan hafazan yang telah ditetapkan oleh pusat pengajian Tahfiz tersebut. Masa yang singkat juga akan menghasilkan kualiti hafazan yang lemah serta memberikan tekanan yang tidak baik terhadap pelajar dewasa mahupun kanak-kanak. Menurut Aliza Ali (2018) dalam kajiannya melaksanakan pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran bahasa bagi kanak-kanak prasekolah menunjukkan peruntukan masa, pengurusan bahan, kawalan murid, ruang tidak sesuai, kemahiran guru, sokongan pentadbir dan ibu bapa menjadi kekangan dalam pengajaran dan pembelajaran.

9. CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN

- i. Menggubal satu kurikulum tahfiz yang standard dalam pengajian Tahfiz Separuh Masa dengan menawarkan masa dan jadual yang sangat fleksible agar para peserta boleh memberi komitmen yang tinggi dalam keterlibatan pengajian.

- ii. Mewujudkan standard sijil Tahfiz Separuh Masa yang diiktiraf oleh pihak yang terlibat. Pengiktirafan sijil institusi diukur berasaskan tahap pengajian sama ada sijil, diploma atau ijazah.
- iii. Semua institusi yang menawarkan pengajian Tahfiz Separuh Masa perlu berdaftar di bawah pihak berkuasa agama dan pendidikan supaya dapat memastikan jaminan kualiti dalam aspek kurikulum, silibus yang digunakan, tenaga pengajar yang berkelayakan dan kemudahan fasilitis yang mencukupi.
- iv. Pihak pusat pengajian Tahfiz Separuh Masa juga perlu menyediakan tempat pembelajaran yang kondusif bagi memenuhi kehendak dan keperluan para peserta dalam pelbagai peringkat umur terutama warga emas.
- v. Penawaran subjek-subjek pengajian Islam di dalam pengajian Tahfiz Separuh Masa seperti bahasa Arab, Ilmu Fekah, Sirah Nabi, Tajwid dan sebagainya bagi bertujuan sebagai persediaan melahirkan individu yang berkualiti yang menguasai pelbagai ilmu selain daripada penguasaan dalam hafazan Al-Quran.
- vi. Anjuran kem-kem motivasi secara berkala berkonsepkan tadabbur ayat-ayat al-Quran, metodologi hafazan dan sebagainya kepada para peserta untuk memberi semangat dan motivasi dalam mencintai kalam Allah. Ianya akan meningkatkan lagi minat serta kesungguhan di dalam melaksanakan setiap tugas yang diberikan terhadap para peserta dalam pelbagai lapisan umur supaya dapat mengetahui teknik hafazan yang betul.
- vii. Peranan guru yang mampu menyediakan kepelbagaian kaedah pengajaran secara efektif dan inovatif dalam meningkatkan kualiti hafazan para peserta dengan menggunakan alat bantu hafazan terkini dan selaras dengan perkembangan teknologi maklumat. Contoh alat bantu hafazan ialah paparan video bacaan qari atau huffaz murattal atau bertarannum dari laman sesawang atau internet.

10. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, tahfiz separuh masa ini mempunyai amalan pembelajaran dengan strategi yang pelbagai dalam menghafaz al-Quran. Amalan yang paling ketara ialah pembelajaran sendiri, pembelajaran bersama guru, pembelajaran bersama rakan sebaya, pembelajaran melibatkan institusi, sekolah atau maahad dan pembelajaran berasaskan motivasi intrinsik. Ini menunjukkan kepelbagaian amalan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Tahfiz Separuh Masa berupaya menjamin objektif yang berkesan. Namun pengajian separuh masa dalam bidang tahfiz ini mempunyai pelbagai cabaran dalam pelaksanaannya disebabkan nilai pembelajaran sendiri serta pengawalan guru di tahap minima menyebabkan para pelajar berasa agak santai dan tiada tekanan dalam hafazan. Oleh itu, pengajian tahfiz separuh masa perlu memfokuskan kepada kaedah pendidikan yang lebih kompetitif dan interaktif dengan memastikan para pelajar mampu memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat dalam memartabatkan pendidikan al-Quran.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah, Prof. Madya Ajmain Bin Safar, Ustaz Mohd Ismail Bin Mustari, Ustaz Azhar Bin Muhammad dan Ustaz Idris Bin Ismail (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz* Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial, UTM
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah. (2005). *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Sukor Shaari, Nurahimah Mohd Yusoff, Mohd Izam Ghazali dan Rafisah Hj Osman (2012). *Hubungan antara Gaya Pengajaran Pensyarah dengan Penglibatan Akademik Pelajar Universiti*. UUM.
- Ahmad Mohd. Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: falsafah, pedagogi dan metodologi*. Siri diploma perguruan. Shah Alam, Selangor: Fajar Bakti.
- Akmariah Mamat and Sofiah Ismail. (2010, November 8-10). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi Di Malaysia*. Fakulti Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
- Aliza Ali. (2018) *Isu Dan Kekangan Melaksanakan Pendekatan Belajar Melalui Bermain Dalam Pengajaran Bahasa Bagi Kanak-Kanak Prasekolah* dalam Seminar Internasional Pendidikan Serantau ke-6: Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Riau.
- Ang Kean Hua. (2016, March). *Pengenalan Rangkakerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes*. Malaysia Journal Of Social Sciences And Humanities (MJ – SSH). Faculty Of Environment Studies, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Al-Syarbini, Ibrahim Abdul guni'm (2004). *Al-Sabil Ila al-Jinan bi Bayan Kaifa Yuhfazul Quran*. Zaqaziq. Dar Ibnu Kathir
- Azmil Hashim etal (2014) *Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar*, Journal of Al-Quran dan Tarbiyah, UPSI. Vol 1(1) 2014: 9-16
- Daud Ismail Et.Al. (2017, July 26). *Progress And Learning Problem Of The Quran In J-QAF Program In Malaysia*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Farah Ilyani Zakaria* et.al. (2018). *Tahfiz Students' Learning Practices in Private Tahfiz Institutions*. Jurnal Pendidikan Malaysia.
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak. *Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta (Tahfiz Students' Learning Practices in Private Tahfiz Institutions)* Jurnal Pendidikan Malaysia SI 1(1)(2018): 141-148 DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.03-15>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012, Mac 28-29). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Komitmen dalam <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=komitmen>
- Mior Khairul Azrin Bin Mior Jamaluddin. (2011). *Sistem Pendidikan Di Malaysia: Dasar, Cabaran, Dan Pelaksanaan Kea Rah Perpaduan Nasional*.

- Mohd Aderi Che Noh And Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). *Students' Perception Toward Teaching Tilawah Al-Quran*. Jurnal Pendidikan Malaysia.
- Mohd Faez Ilias. (2015, October). *Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah*. Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor.
- Mohd Hairudin Amin and Kamarul Azmi Jasmi. (2016, February 06). *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran*. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Hasdi Mohamed. (2017). *Implementation of Part Time Tahfiz Tuition at Asrama Sri Semai Bakti Felda, Kuantan*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences. Department of Islamic Studies, Faculty of Humanities, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhaidi Mustaffa Al Hafiz et.al. (2016, Januari). *Descriptive Qualitative Teaching Method of Memorization in The Institution of Tahfiz Al-QuranWal Qiraat Pulaui Condong and the Students' Level of Academic Excellence*. Mediterranean Journal of Social Science. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Technology Malaysia.
- Murihah Abdullah et.al. (2016, March 22). *Identifikasi Peranan Ibu Bapa Dalam Memastikan Kelangsungan Pendidikan Tahfiz Anak-Anak*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah et.al. (2018). *Challenges Facing School Students In Qur'an Memorization: A Qualitative Study*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Norlizah Che Hassan et.al. (2015, October 12-14, Istanbul-Turkey). *Tahfiz School Entry Requirement And Characteristics Of Tahfiz Students*. Faculty of Educational Studies, Universiti Putra, Malaysia.
- Nordin, A., Muhammad Toriq, Y., Yusri, C, Shahidah, S., Nor Hayati, A. L., Sukhairu, S. & Abdul Razak, M. Z. (2018). *Perkembangan Pendidikan Tahfiz: Darul Quran Perintis Dinamik*. JAKIM.
- Paharudin Bin Arbain. *Persepsi Murid Terhadap Perlaksanaan Kaedah Pengajaran Guru Dan Hubungan Dengan Pencapaian Murid Dalam Tilawah Al-Quran*. Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI.
- Sedek Ariffin et.al. (2014). *Implementation Of Panipati Method On Memorization The Quran In Malaysia: A Study In Tahfiz Institute*. Proceeding Multidisciplinary Studies. University Of Malaya.
- Suhaida Abd Kadir (2013). *Komitmen Guru Terhadap Sekolah Menengah Di Daerah Kangar, Perlis*. Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifli Mohd Yusoff et.al. (2018). *Ke Arah Pengiktirafan Huffaz di Malaysia*. Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya dan Darul Quran JAKIM.